

29 AUG 2003

Rencana-Dirgahayu/BI (EMBARGO: Ahad/31 Ogos - Bergambar)  
DIRGAHAYU MALAYSIA!

Oleh: Rosliwaty Ramly

KUALA LUMPUR: Pada Januari 1956, almarhum Tunku Abdul Rahman, putera diraja Kedah yang muncul sebagai tokoh politik terkemuka mengetuai delegasi ke London kerana merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Selepas rundingan tiga minggu, Perjanjian London ditandatangani yang menyebut bahawa Kerajaan British bersetuju memberikan kemerdekaan kepada Malaya, ketika itu, Tanah Melayu, pada 31 Ogos 1957.

Tepat 12 tengah malam 31 Ogos 1957, laungan "Merdeka, Merdeka" bergema memenuhi ruang Stadium Merdeka bila bendera Union Jack, lambang kuasa penjajahan British, diturunkan.

Lantas, berkumandang buat kali pertama "Negaraku", lagu kebangsaan tercinta. Maka terpancar segala impian dan harapan dari sanubari setiap insan Malaysia.

Hati melonjak riang dapat merasai nikmat kebebasan dari belunggu penjajah - Belanda, Portugis, Jepun dan British.

Tunku, salah seorang pejuang utama kemerdekaan negara muncul sebagai perdana menteri pertama Persekutuan Tanah Melayu Merdeka pada 1957, kemudiannya terbentuk menjadi Malaysia.

Tidak seperti jiran Indonesia, di mana kemerdekaan terpaksa ditebus dari Belanda dengan pertempuran berdarah, Malaysia mencapai kemerdekaan dengan cara yang cukup aman. Tidak melibatkan pertempuran.

Jika adapun pertelingkahan, ia tetap membuktikan bahawa mata pena itu lebih tajam dari pedang.

#### SEJARAH SILAM DIBELENGGU PENJAJAH

Namun, perjalanan menuju kemerdekaan tidak sentiasa lancar, suara-suara penentangan terhadap penjajah sering dilontarkan, lama sebelum perisytiharan yang cukup bersejarah.

Perluasan takluk imperialis Eropah sebenarnya bermula dengan penaklukan Melaka oleh Portugis pada 1511. Bagaimanapun, kuasa mereka agak terbatas.

Seabad kemudian, Belanda mengambil alih Melaka dari Portugis.

Abad ke-18 menyaksikan British memasuki Tanah Melayu dengan penubuhan Pulau Pinang dan kemudian Singapura pada 1819. Pada 1826, Melaka, Pulau Pinang dan Singapura bergabung sebagai Negeri-negeri Selat.

Ketika ini, British mula menembus masuk ke negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu yang kaya dengan timah, dan meletakkan wakil mereka dikenali sebagai Residen.

Pada 1896, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dibentuk dan mulai 1919 Union Jack berkibar di setiap tiang bendera di Semenanjung Malaysia, Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah.

Tidak lama kemudian, Jepun menduduki Tanah Melayu dan Singapura hingga memaksa British melarikan diri.

#### TANDA-TANDA KETIDAKPUASAN HATI

Tetapi bila British kembali selepas Perang Dunia kedua, mereka menghadapi kelemahan dalam pentadbiran. Keyakinan terhadap kekebalan Empayar British telah musnah buat selamanya.

British berusaha melaksanakan pengukuhan pentadbiran dengan memperkenalkan Malayan Union, satu rancangan di mana kedaulatan Raja-raja Melayu hendak dipindahkan kepada British Crown dan semua warga, tanpa mengira kaum, akan mendapat hak yang sama.

Ini mendapat tentangan hebat orang-orang Melayu hingga membawa kepada

penubuhan UMNO dengan Dato' Onn bin Jaafar, menjadi presidennya.

British mengemukakan rancangan baru iaitu Persekutuan Tanah Melayu, yang memberikan Sultan kuasa ke atas negeri masing-masing dan memperuntukkan hak istimewa Melayu.

Perikatan yang terdiri daripada UMNO, Malayan Chinese Association (MCA) dan Malayan Indian Congress (MIC) menunjukkan gabungan kekuatan dengan memenangi 80 peratus dari jumlah undi bagi pilihan raya pertama pada 1955.

Jelas ketika itu, bahawa penubuhan sebuah Tanah Melayu yang bersatu merupakan kemungkinan yang semakin nyata.

Pada 1963, Singapura, Sarawak dan Sabah menyertai Tanah Melayu dan bergabung dalam Persekutuan Malaysia. Bagaimanapun, Singapura keluar pada 1965 untuk menjadi sebuah republik merdeka.

#### KESAN BURUK DASAR PECAH DAN PERINTAH

Disokong oleh dua sumber utama getah dan timah, ekonomi negara muncul kukuh. Namun, dasar pecah dan perintah British menimbulkan beberapa masalah dari segi agihan kekayaan yang tidak saksama.

Rusuhan kaum tercetus pada 1969. Dari kesan runtuh lahir satu permulaan baru: Tragedi 13 Mei menjadi iktibar bahawa keamanan dan kemakmuran tidak wajar dianggap mudah bahkan perlu dipupuk sentiasa.

Rakyat seterusnya sedar bahawa rupa bentuk negara yang unik memerlukan penyelesaian unik. Berikutan itu, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan beberapa dasar lain diperkenalkan.

Sebahagian besar dorongan ke arah kemajuan adalah hasil dasar-dasar Perdana Menteri keempat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dasar perindustriannya yang berani dan banyak membawa kejayaan menyaksikan ekonomi mencatat angka pertumbuhan cemerlang selama lebih sedekad.

#### WAWASAN UNTUK MALAYSIA

Prestasi ekonomi yang cukup memberangsangkan memberikan pengisian cukup bermakna dalam memenuhi cita-cita Malaysia untuk mencapai taraf negara maju menjelang 2020.

Negara bernasib baik kerana mempunyai pemimpin yang meletakkan kepentingan negara di atas kepentingan kelompok yang sempit, malah di atas kepentingan peribadi.

Ketika merayakan ulangtahun ke-30 kemerdekaan pada 1987, Proton Saga, kereta kebangsaan Malaysia, ditonjolkan sebagai teras perayaan.

Kemudian diikuti oleh Perodua Kancil, kemuncak perbarisan Hari Kebangsaan ke-37 pada 1994.

Dua tahun kemudian tercatat satu lagi peristiwa bersejarah bila motosikal buatan Malaysia, Kriss, diperagakan buat kali pertama pada sambutan Hari Kebangsaan ke-39 di Kota Kinabalu.

Hari ini, negara berusia 46 tahun dan sudah bergerak jauh ke depan sambil mencipta pelbagai kejayaan membanggakan.

Hasil dari wujudnya sebuah kerajaan yang stabil, negara menikmati kejayaan ekonomi yang memuncak dan kini merupakan salah sebuah kuasa ekonomi yang tumbuh dengan pantas di dunia, sambil menjadi teladan baik hubungan harmonis pelbagai kaum.

Projek-projek multibillion mengubah wajah negara. Bangunan tertinggi di dunia - Menara Kembar; sebuah satelit yang berlegar di angkasa raya; Koridor Raya Multimedia - adalah secebis dari kisah pencapaian yang memandu negara memasuki alaf baru.

Kejayaan Malaysia yang begitu dikagumi menjadi sebuah negara pelbagai kaum dan agama sewajarnya mendapat tempat yang dibanggakan dalam peta dunia dan warganya memang berhak merasa bangga merayakan ulangtahun ke-46 kemerdekaan.

Sebagai negara yang punya keragaman kaum, budaya dan tradisi, Malaysia berkembang dalam suasana kepelbagaian ini dan ia menepati maksud peribahasa "Keragaman adalah rencah kehidupan".

Lihat orang-orang di sekeliling anda. Amati senyuman mereka yang melambangkan penuh kepuasan.

Inilah Malaysia, negara kita. Tanah tumpah darah kita.

Dirgahayu Malaysia!. -- Bernama

RR RR